



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 104 BIL 30/2023

PERMOHONAN PENEMPATAN SEMASA CUTI SEMESTER DI RESIDEN PELAJAR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Permohonan penempatan pelajar semasa cuti semester di Residen Pelajar adalah dibuka bermula **23 Jun 2023 sehingga 4 Julai 2023**. Berikut merupakan kategori penempatan pelajar semasa cuti semester di Residen Pelajar:

- (i) Semester Pendek
- (ii) Projek Sarjana Muda (PSM) / Projek Tahun Akhir (FYP) / *Senior Design Project (SDP)*
- (iii) Program-program anjuran universiti

Semua permohonan **WAJIB** melalui Jabatan/Fakulti/Penasihat masing-masing mengikut **format** disediakan. **Pihak pengurusan Residen Pelajar tidak akan melayan permohonan secara individu.**

Dokumen permohonan mengikut format tersebut **MESTILAH** dimuat naik melalui **[Google Form](#)** ini.

Penempatan semasa cuti semester di Residen Pelajar akan dikenakan bayaran mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Kelulusan penempatan adalah tertakluk kepada kekosongan Residen Pelajar.

Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui pengumuman di e-Community dan melalui emel yang dikemaskini.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **4 Julai 2023 (Selasa)**.


Sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Residen Pelajar atau email kepada **residen@ump.edu.my**.

Sekian untuk makluman dan tindakan. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MOHD RAIZALHILMY B. MOHD. RAIS

Pengarah

Pusat Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 22 Jun 2023